
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

PGM 324- PSIKOLOGI PENYESUAIAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan semuanya. Jawab **EMPAT(4)** soalan. Jawab **SOALAN 1 (wajib)** dan **TIGA (3)** soalan lain.

...2/-

Jawab **SOALAN 1 (wajib)**.

1. (a) Apakah yang anda faham tentang psikologi penyesuaian dan konsep homeostasis?
(4 markah)
- (b) Huraikan **TIGA (3)** contoh bagaimana homeostasis mempengaruhi penyesuaian individu.
(6 markah)
- (c) Golongan "mak nyah" diklasifikasikan sebagai golongan abnormal.
Apakah yang dimaksudkan dengan abnormal? Jelaskan **TIGA (3)** ciri abnormal yang ada pada golongan 'mak nyah'.
(7 markah)
- (d) Konsep sendiri positif mempunyai peranan penting dalam meningkatkan imej dan penampilan diri. Huraikan **EMPAT (4)** cara untuk mengukuhkan konsep sendiri.
(8 markah)

Jawab **TIGA (3)** soalan daripada bahagian ini.

2. (a) Bincangkan maksud dan pengaruh konsep-konsep di bawah terhadap penyesuaian biologi dan tingkah laku individu.
 - (i) *authenticity*
 - (ii) tingkah laku prososial
 - (iii) emosi agresif

(15 markah)
- (b) Dalam kehidupan yang berubah-ubah, faktor motivasi dan dorongan amat penting. Huraikan **LIMA (5)** faktor yang boleh meningkatkan motivasi dalaman seseorang individu.
(10 markah)

3. (a) Jelaskan maksud emosi dan huraikan **TIGA (3)** cara untuk mengurus dan menyesuaikan emosi apabila berhadapan dengan situasi yang berubah-ubah.

(12 markah)

Ahmad seorang ahli perniagaan yang berjaya. Sejak akhir-akhir ini beliau mengalami tekanan yang amat kuat kerana syarikatnya berhadapan dengan masalah kewangan dan dalam masa yang sama perkahwinannya juga mengalami krisis.

- (b) Berikan definisi tekanan. Berdasarkan Hans Selye (1991), bincangkan **EMPAT (4)** cara untuk mengurangkan masalah tekanan Ahmad.

(13 markah)

4. (a) Perubahan peranan boleh menimbulkan konflik yang pelbagai.

- i) Jelaskan **EMPAT (4)** jenis konflik.

(8 markah)

- ii) Huraikan **DUA (2)** pengaruh konflik peranan terhadap hubungan interpersonal individu.

(6 markah)

- (b) Berikan maksud kematangan intelek dan bincangkan **TIGA (3)** cara penyesuaian intelek dalam kehidupan yang berubah-ubah.

(11 markah)

5. (a) Bincangkan secara kritis **TIGA (3)** aspek yang boleh meningkatkan kejayaan hubungan interpersonal.

(9 markah)

- (b) Analisis transaksi adalah antara pendekatan dalam kaunseling yang boleh digunakan untuk meningkatkan hubungan interpersonal. Bincangkan.

(16 markah)